

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN
(KOTA BHARU)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN [KOTA BHARU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan akan membuat dasar membenarkan Pencarum KWSP dari kalangan pegawai-pegawai muda mengeluarkan keseluruhan caruman mereka untuk dijadikan deposit membeli rumah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Tujuan Skim KWSP diwujudkan adalah sebagai simpanan jangka panjang bagi menampung kos sara hidup ahli khususnya pekerja sektor

swasta apabila mereka bersara nanti. Simpanan ini amat berguna apabila mereka sudah tidak mampu berkerja lagi akibat usia tua dan tiada hasil atau pendapatan bulanan daripada pekerjaan. Cadangan agar membenarkan pengeluaran kesemua simpanan KWSP sebagai bayaran muka atau pendahuluan untuk tujuan membeli rumah adalah tidak selaras dengan tujuan penubuhan Skim KWSP. Adalah dibimbangi 75 peratus daripada 6 juta ahli aktif KWSP yang terdiri daripada mereka yang berpendapatan sederhana dan rendah tidak mempunyai simpanan persaraan yang mencukupi jika keseluruhan simpanan mereka telah digunakan untuk bayaran muka atau pendahuluan membeli rumah. Pada tahun 2013 misalnya, purata simpanan ahli umur 54 tahun iaitu setahun sebelum mereka layak membuat pengeluaran penuh pada umur 55 tahun ialah RM167,000 sahaja. Jumlah tersebut adalah termasuk ahli yang mempunyai simpanan melebihi RM1 juta. Ini bermakna terdapat ahli yang bersara dengan simpanan kurang daripada RM50,000 malah kurang daripada RM20,000, sedangkan jangka hayat penduduk negara ini ialah lebih kurang 75 tahun. Ini menjadikan tempoh persaraan bagi rakyat Malaysia adalah lebih kurang 20 tahun.

Walau bagaimanapun, KWSP menyediakan kemudahan bagi ahli KWSP yang layak untuk membuat pengeluaran simpanan mereka daripada Akaun 2 untuk tujuan membeli/membina rumah atau mengurangkan baki pinjaman perumahan. Untuk menikmati kemudahan ini, dokumen sokongan perlu disertakan sebagai bukti ahli membuat pembelian untuk mengelak daripada berlaku penyalahgunaan pengeluaran.